

Ruj. : MBOT. 600-8/5/1 (72)

Tarikh : 6 Julai 2023

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato' / Prof. / Dr. / Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN KEKELIRUAN TERHADAP PEMAKAIAN STANDARD PROGRAM KOMPUTERAN, AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA DALAM PENILAIAN AKREDITASI BAWAH MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI DAN TEKNIKAL, LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC) Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) **TIDAK** mewajibkan pemakaian Standard Program Komputeran yang diterbitkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia dalam penilaian akreditasi bawah TTAC MBOT. Oleh yang demikian, hanya pemakaian *TTAC Manual 2019* atau *TTAC Standard Second Edition (Academic Sector)* sahaja diwajibkan buat masa ini.

3. Namun begitu, TTAC MBOT tidak mempunyai halangan sekiranya pemberi pendidikan menjadikan standard program ini sebagai rujukan dan panduan dalam menjamin kualiti program komputeran yang diakreditasi bawah TTAC MBOT, selagi ianya tidak melanggar ketetapan *TTAC Manual 2019* atau *TTAC Standard Second Edition (Academic Sector)*.

4. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato' / Prof. / Dr. / Tuan/ Puan, boleh menghubungi Puan Hajah Nur Sakinah binti Ishak, Sekretariat Akreditasi Teknologi dan Teknikal MBOT di talian 03-88006211 atau e-mel i.sakinah@mbot.org.my / ttas@mbot.org.my.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(PROFESOR DATO' Ts. DR. ROSLI BIN MOHD YUNUS)

Pengerusi

Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal

Lembaga Teknologis Malaysia